**D.R. /2015**

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kanak-Kanak 2001.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dalam takrif "anggota keluarga", dengan menggantikan perkataan "anggota keluarga luas, yang merupakan seorang anggota rumah" dengan perkataan "saudara";

(ii) dengan memotong takrif "anggota rumah";

(iii) dalam takrif "asrama akhlak", dengan menggantikan perkataan "Bahagian X" dengan perkataan "seksyen 46 dan 98";

(iv) dalam takrif "hospital", dengan menggantikan perkataan "Universiti" dengan perkataan "institusi pengajian tinggi awam, tetapi tidak termasuk mana-mana bahagian hospital Kerajaan atau hospital pelatih perubatan sesuatu institusi pengajian tinggi awam, yang diswastakan atau diperbadankan;";

(v) dalam takrif "ibu atau bapa peliharaan", dalam perenggan *(a)*, dengan menggantikan perkataan "perenggan 30(1)*(e)*" dengan perkataan "subperenggan 30(1)*(c)*(i)";

(vi) dengan memotong takrif "Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak";

(vii) dengan memasukkan selepas takrif "kanak-kanak dalam percubaan" takrif yang berikut:

' "kaunselor" ertinya mana-mana kaunselor, penolong kaunselor, pegawai psikologi atau penolong pegawai psikologi di Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;';

(viii) dengan memotong takrif "keluarga luas";

(ix) dengan memasukkan sebelum takrif "Ketua Pengarah" takrif yang berikut:

' "Ketua Pendaftar" ertinya Ketua Pendaftar Kanak-Kanak yang dilantik di bawah subseksyen 9(1);';

(x) dalam takrif "Ketua Pengarah", dengan memasukkan selepas perkataan "Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat" perkataan ", dan termasuklah Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap Negeri";

(xi) dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Pengarah" takrif yang berikut:

' "khidmat masyarakat" ertinya apa-apa kerja, khidmat atau kursus pengajaran arahan bagi kebaikan masyarakat di bawah ruang lingkup Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;';

(xii) dengan menggantikan takrif "Mahkamah Pengawas" dengan takrif yang berikut:

' "Mahkamah Pengawas" ertinya Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi daerah atau kawasan yang seseorang kanak-kanak dikehendaki—

*(a)* tinggal di bawah perintah percubaan;

*(b)* melaksanakan khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat; atau

*(c)* diletakkan atau ditahan di bawah mana-mana perintah lain yang dibuat di bawah Akta ini;';

(xiii) dalam takrif "Majlis", dengan menggantikan perkataan "Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak" dengan perkataan "Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak";

(xiv) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:

' "Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak" ertinya sesuatu pasukan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah seksyen 7A;';

(xv) dengan memasukkan selepas takrif "Pegawai Kebajikan Masyarakat" takrif yang berikut:

' "Pegawai Pendidikan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];

“pegawai penjara” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penjara 1995 [*Akta 537*];’;

(xvi) dalam takrif “pegawai perubatan”, dengan menggantikan perkataan “Universiti” dengan perkataan “institusi pengajian tinggi awam, tetapi tidak termasuk pengamal perubatan berdaftar di mana-mana bahagian hospital Kerajaan atau hospital pelatih perubatan suatu institusi pengajian tinggi awam, yang diswastakan atau diperbadankan;”;

(xvii) dalam takrif “Pelindung”, dengan memotong perenggan *(d)*;

(xviii) dengan memasukkan selepas takrif “Pelindung” takrif yang berikut:

‘ “Pembantu Pelindung” ertinya seseorang yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 8A;

“pemeliharaan berasaskan keluarga” ertinya pemeliharaan kanak-kanak dalam suasana kekeluargaan termasuk—

*(a)* pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu atau bapa, penjaga atau saudara;

*(b)* pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu atau bapa peliharaan atau orang yang layak dan sesuai; atau

*(c)* pemeliharaan kanak-kanak di pusat;’;

(xix) dalam takrif “Pendaftar”—

*(a)* dengan memotong perkataan “Yang Memerlukan Pelindungan”; dan

*(b)* dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Pendaftar Besar” dengan perkataan “Ketua Pendaftar”;

(xx) dengan memotong takrif “Pendaftar Besar” yang terdapat selepas takrif “Pendaftar”;

(xxi) dengan memasukkan selepas takrif "penjaga" takrif yang berikut:

' "perintah khidmat masyarakat" ertinya perintah yang menghendaki seseorang kanak-kanak untuk melaksanakan khidmat masyarakat di bawah seksyen 97A;'

(xxii) dengan menggantikan takrif "pusat" dengan takrif yang berikut:

' "pusat" ertinya tempat berlindung yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh mana-mana orang termasuk Kerajaan Negeri, sama ada—

(i) secara perseorangan; atau

(ii) melalui kerjasama atau usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan,

sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud pemeliharaan, pelindungan dan pemulihan kanak-kanak di bawah seksyen 53A;';

(xxiii) dengan memasukkan selepas takrif "rumah pelacuran" takrif yang berikut:

' "saudara" ertinya seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui pertalian darah seibu sebapa atau pertalian darah seibu atau sebapa, atau melalui perkahwinan atau pengangkatan, termasuk pengangkatan *de facto*;'; dan

(xxiv) dalam takrif "Sekolah Henry Gurney", dalam perenggan *(b)*, dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah Penjara" dengan perkataan "Komisioner Jeneral Penjara"; dan

*(a)* dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" perkataan ", Wilayah Persekutuan Putrajaya".

**Pindaan Bahagian II**

**3.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian II dengan tajuk yang berikut:

"MAJLIS KEBANGSAAN BAGI KANAK-KANAK".

**Penggantian seksyen 3**

**4.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

"**Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak**

**3.** (1) Suatu majlis yang dikenali dengan nama Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak ditubuhkan.

(2) Fungsi Majlis adalah—

*(a)* untuk menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua isu dan aspek pelindungan, pemeliharaan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa;

*(b)* untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam masyarakat, termasuk di peringkat keluarga, mengenai hak dan maruah seseorang kanak-kanak;

*(c)* untuk membangunkan program yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dalam usaha mencegah penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta mencegah penglibatan kanak-kanak dalam perbuatan tidak bermoral atau jenayah;

*(d)* untuk memastikan bahawa standard perkhidmatan yang disediakan oleh agensi dan jabatan Kerajaan, badan atau organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak memenuhi keperluan kanak-kanak;

*(e)* untuk menyelaraskan pelbagai sumber daripada semua pihak, termasuk agensi dan jabatan Kerajaan, badan atau organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta,

yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan bagi pemeliharaan, pelindungan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak;

*(f)* untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan kanak-kanak dengan agensi dan jabatan Kerajaan, badan atau organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta;

*(g)* untuk mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat, dan menjalankan serta menggalakkan kajian, yang berhubungan dengan pelindungan kanak-kanak, pemeliharaan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak;

*(h)* untuk mereka bentuk sistem pengurusan yang efisien dan efektif di seluruh Malaysia bagi kanak-kanak yang memerlukan pelindungan;

*(j)* untuk menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam proses pembuatan keputusan mengenai perkara yang menyentuh kanak-kanak;

*(j)* untuk memantau aktiviti dan pelaksanaan fungsi Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak; dan

*(k)* untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(3) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya.

**Seksyen baru 3A**

**5.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

"**Dana**

**3A.** Kerajaan hendaklah menguntukkan Majlis dengan dana yang mencukupi secara tahunan untuk membolehkan Majlis melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.".

**Pindaan seksyen 4**

**6.** Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;

*(b)* Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya;

*(c)* Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelindungan kanak-kanak yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;

*(d)* Peguam Negara atau wakilnya;

*(e)* Ketua Polis Negara atau wakilnya;

*(f)* Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia atau wakilnya;

*(g)* Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri atau wakilnya;

*(h)* Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi komunikasi atau wakilnya;

*(i)* Ketua Pengarah Kesihatan atau wakilnya;

*(j)* Ketua Pengarah Pelajaran atau wakilnya;

*(k)* Ketua Pengarah Pendaftaran Negara atau wakilnya;

*(l)* Komisioner Jeneral Penjara atau waklinya;

*(m)* Ketua Pengarah Imigresen atau wakilnya;

*(n)* Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat yang hendaklah menjadi Setiausaha;

*(o)* dua orang wakil daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;

*(p)* seorang wakil kementerian, di negeri Sabah, yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;

*(q)* seorang wakil kementerian, di negeri Sarawak, yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;

*(r)* dua orang wakil dalam kalangan kanak-kanak yang hendaklah dilantik oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; dan

*(s)* tidak lebih daripada lima orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak termasuk mana-mana orang yang layak untuk memberikan nasihat mengenai faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama yang berkaitan, yang dilantik oleh Menteri.”; dan

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (1)*(r)* atau *(s)* hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun dan hendaklah layak dilantik semula bagi tempoh maksimum dua penggal berturut-turut.”.

**Seksyen baru 4A**

**7.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

"**Pembatalan dan peletakan jawatan**

**4A.** (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)* atau *(s)*.

(2) Mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)* atau *(s)* boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis satu bulan kepada Menteri.".

**Pindaan seksyen 5**

**8.** Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "empat kali" dengan perkataan "dua kali";

*(b)* dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "Tujuh anggota Majlis" perkataan "termasuk sekurang-kurangnya seorang anggota Majlis yang dlantik di bawah perenggan 4(1)*(r)*"; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati Lembaga tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(4B) Anggota Majlis dan mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Majlis di bawah subseksyen (4A) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.".

**Seksyen baru 5A**

**9.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

"**Ketetapan tanpa mesyuarat**

**5A.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Majlis boleh, jika perlu, meluluskan ketetapan tanpa bermesyuarat.

(2) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi:

*(a)* semua anggota Majlis telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memaklumkan semua anggota Majlis mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan

*(b)* semua anggota Majlis menandakan persetujuan dengan ketetapan mengikut kaedah yang ditentukan oleh Majlis.".

**Pindaan seksyen 6**

**10.** Seksyen 6 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

"(10) Kecuali anggota jawatankuasa yang dilantik dalam kalangan anggota Majlis, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.".

**Seksyen baru 6A**

**11.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

"**Pengosongan jawatan**

**6A.** (1) Jawatan seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)* atau *(s)* dan pelantikan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Majlis hendaklah menjadi kosong sekiranya—

*(a)* dia meninggal dunia;

*(b)* telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) mana-mana kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, selama lebih daripada dua tahun;

*(c)* dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;

*(d)* dia menjadi bankrap;

*(e)* berkenaan dengan anggota Majlis, dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, dan berkenaan dengan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Majlis, dia tidak menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran pengerusi jawatankuasa itu;

*(f)* berkenaan dengan anggota Majlis, pelantikannya dibatalkan oleh Menteri, dan berkenaan dengan anggota jawatankuasa yang bukan anggota Majlis, pelantikannya dibatalkan oleh Majlis; atau

*(g)* dia meletakkan jawatan.

(2) Jika seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)* atau *(s)* terhenti menjadi anggota Majlis, oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, Menteri boleh melantik seorang yang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh berbaki yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik mengikut peruntukan yang terpakai.”.

**Pindaan seksyen 7**

**12.** Seksyen 7 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "pelindungan" dengan perkataan "pemeliharaan dan pelindungan";

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan dan pelindungan kanak-kanak, yang dilantik oleh Menteri;

*(b)* seorang pegawai perubatan; dan

*(c)* seorang pegawai polis kanan.";

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Menteri boleh melantik mana-mana anggota yang disebut dalam perenggan (2)*(a)* untuk menjadi pengerusi Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak."; dan

*(d)* dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "hendaklah" perkataan "diselia oleh Pelindung dan hendaklah".

**Seksyen baru 7A**

**13.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

"**Penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak**

**7A.** (1) Majlis hendaklah menubuhkan di seluruh Malaysia kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan dikenali sebagai

"Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak", bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak itu—

*(a)* memerlukan atau disyaki memerlukan pelindungan dan pemulihan; atau

*(b)* didapati bersalah atas apa-apa kesalahan.

(2) Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pelindungan dan pemulihan kanak-kanak, yang dilantik oleh Menteri;

*(b)* seorang Pegawai Pendidikan; dan

*(c)* seorang pegawai kanan polis.

(3) Menteri boleh melantik mana-mana anggota yang disebut dalam perenggan (2)*(a)* untuk menjadi pengerusi Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak.

(4) Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendalah diselia oleh pegawai akhlak atau Pelindung dan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengko-opt dari semasa ke semasa mana-mana orang lain yang semunasabahnya diperlukan olehnya untuk membantunya melaksanakan fungsi dan kewajipannya atau sebagaimana yang diperlukan oleh hal keadaan setiap kes, termasuklah mana-mana orang yang layak untuk memberikan nasihat tentang faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama yang berkaitan.

**Seksyen baru 8A**

**14.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

"**Pelantikan Pembantu Pelindung**

**8A.** Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik mana-mana orang untuk menjalankan kuasa dan

melaksanakan kewajipan seorang Pembantu Pelindung di bawah seksyen 18, 19 dan 20 tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.”.

**Pindaan seksyen 9**

**15.** Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Pendaftar Besar” dengan perkataan “Ketua Pendaftar”;

*(b)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Pendaftar Besar Kanak-Kanak Yang Memerlukan Pelindungan” dengan perkaraan “Ketua Pendaftar Kanak-Kanak”;

*(c)* dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “Yang Memerlukan Pelindungan”; dan

*(d)* dalam subseksyen (3), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Pendaftar Besar” dengan perkataan “Ketua Pendaftar”.

**Pindaan seksyen 14**

**16.** Subseksyen 14(1) Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “memerintahkan supaya” perkataan “peletakan”;

*(b)* dengan menggantikan perenggan *(a)* dengan perenggan yang berikut:

“*(a)* peletakan atau penahanan seseorang kanak-kanak di sesuatu tempat tahanan, tempat perlindungan, asrama akhlak, sekolah diluluskan, Sekolah Henry Gurney, institusi atau pusat yang diluluskan;”; dan

*(c)* dalam perenggan *(b)*—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat” perkataan “, Pelindung”; dan

(ii) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;

*(d)* dengan menggantikan koma di hujung perenggan *(c)* dengan koma bertitik;

*(e)* dengan memasukkan selepas perenggan *(c)* perenggan yang berikut:

"*(d)* tempoh perintah khidmat masyarakat,"; dan

*(f)* dengan menggantikan perkataan "tahanan, pengawasan atau percubaan" dengan perkataan "penempatan, tahanan, pengawasan, percubaan atau khidmat masyarakat".

**Pindaan seksyen 15**

**17.** Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan "langkah-langkah itu" perkataan "semasa penyiasatan atau";

(ii) dalam perenggan *(b)*, dengan menggantikan perkataan "Bahagian V" dengan perkataan ", Bahagian V, VI dan VIII";

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(b)* perenggan yang berikut:

"*(ba)* mana-mana kanak-kanak yang ditahan di bawah Bahagian VII"; dan

(iv) dalam perenggan *(c)*, dengan menggantikan perkataan "yang dinyatakan dalam Jadual Pertama" dengan perkataan "di bawah mana-mana undang-undang bertulis"; dan

*(b)* dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, dalam apa-apa kes" dengan

perkataan "Mahkamah Bagi Kanak-Kanak atau, dalam hal keadaan yang memerlukan tindakan segera, Majistret";

(ii) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan "Mahkamah Bagi Kanak-Kanak" perkataan "atau Majistret"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan "Mahkamah" perkataan "atau Majistret itu".

**Pindaan seksyen 17**

**18.** Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan *(a)*, dengan menggantikan perkataan "anggota keluarga luasnya" dengan perkataan "saudaranya";

*(b)* dengan menggantikan perenggan *(c)* dengan perenggan yang berikut:

"*(c)* ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu—

*(a)* tidak layak, atau telah mengabaikan, atau tidak berupaya, untuk menjalankan; atau

*(b)* telah bertindak secara cuai dalam menjalankan,

pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu;";

*(c)* dalam perenggan *(e)*—

(i) dengan menggantikan koma di hujung subperenggan (ii) dengan koma bertitik;

(ii) dengan memotong perkataan "dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;";

*(d)* dengan memotong perenggan *(h)*; dan

*(e)* dalam perenggan *(k)*—

(i) dengan memotong perkataan "atau" di hujung subperenggan (i);

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (ii) dengan perkataan "; atau"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

"(iii) menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.".

**Pindaan seksyen 18**

**19.** Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);

*(b)* dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "Pelindung" perkataan ", Pembantu Pelindung" di mana-mana jua terdapat; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Seseorang Pelindung yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen ini hendaklah, sebaik selepas pengambilan itu, menyebabkan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu diberitahu tentang pengambilan itu.

(3) Seseorang Pembantu Pelindung atau pegawai polis yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen ini hendaklah—

*(a)* sebaik selepas pengambilan itu, memberitahu Pelindung tentang pengambilan itu dan menyebabkan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu diberitahu tentang pengambilan itu; dan

*(b)* dalam masa dua belas jam selepas pengambilan itu, membawa kanak-kanak itu ke hadapan Pelindung.

(4) Jika kanak-kanak yang dibawa ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen ini lepas lari atau dipindahkan tanpa kebenaran yang sah, Pelindung hendaklah menyiasat hal keadaan kes itu dan memberitahu ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tentang pelepasan lari atau pemindahan kanak-kanak itu.

(5) Mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen ini yang lepas lari atau dipindahkan tanpa kebenaran yang sah boleh ditangkap tanpa waran oleh Pelindung, Pembantu Pelindung atau pegawai polis.

(6) Jika kanak-kanak itu ditahan oleh Pelindung, kanak-kanak itu hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak oleh Pelindung mengikut seksyen 19.

(7) Jika kanak-kanak ditahan oleh Pembantu Pelindung atau pegawai polis, kanak-kanak itu hendaklah dengan serta-merta dibawa ke hadapan Pelindung dan Pelindung hendaklah membawa kanak-kanak itu ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut seksyen 19.

(8) Mana-mana orang yang—

*(a)* memindahkan seseorang kanak-kanak daripada jagaan sementara di bawah subseksyen (1) tanpa kebenaran yang sah;

*(b)* dengan sedar membantu atau mendorong, secara langsung atau tidak langsung, seseorang kanak-kanak lepas lari daripada jagaan sementara di bawah subseksyen (1);

*(c)* dengan sedar menyorokkan atau menyembunyikan seseorang kanak-kanak yang telah lepas lari sedemikian, atau menghalang kanak-kanak kembali ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.

**Pindaan seksyen 19**

**20.** Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak” perkataan “oleh Pelindung”;

*(b)* dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “diletakkan” dengan perkataan “diletakkan buat sementara”; dan

(ii) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan “tempat selamat” perkataan “atau pusat”;

*(c)* dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “tempat selamat” perkataan “atau pusat”; dan

(ii) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan “tempat selamat” perkataan “atau pusat”; dan

*(d)* dengan memotong subseksyen (4) dan (5).

**Pindaan seksyen 20**

**21.** Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “atau pegawai polis” di mana-mana jua terdapat;

*(b)* dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Jika Pembantu Pelindung atau pegawai polis yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen 18 berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, Pembantu Pelindung atau pegawai polis itu boleh, tidak membawa kanak-kanak itu ke hadapan Pelindung di bawah perenggan 18(3)*(b)*, tetapi sebaliknya mengemukakan kanak-kanak itu ke hadapan seorang pegawai perubatan.";

*(c)* dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "Pelindung" perkataan ", Pembantu Pelindung";

*(d)* dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Jika kanak-kanak yang dibawa ke dalam jagaan sementara oleh Pembantu Pelindung atau pegawai polis—

*(a)* dikemukakan ke hadapan seorang pegawai perubatan di bawah subseksyen (1A); atau

*(b)* ialah seorang pesakit di suatu hospital dan ditinggalkan di hospital itu di bawah subseksyen (2),

untuk menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan, Pembantu Pelindung atau pegawai polis itu hendaklah memberitahu Pelindung mengenai tindakannya itu.";

*(e)* dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(3A) Jika Pembantu Pelindung tidak mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen 18 tetapi dia berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, dia boleh, dengan kelulusan Pelindung, mengarahkan secara bertulis orang yang pada hematnya sedang memelihara kanak-kanak itu supaya membawa kanak-kanak itu kepada seorang pegawai perubatan dengan serta-merta."; dan

(*f*) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen (3)” dengan perkataan “subseksyen (3) dan (3A)”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Pelindung” perkataan “, Pembantu Pelindung”.

**Pindaan seksyen 21**

**22.** Seksyen 21 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “20(1)” perkataan “, (1A)”.

**Pindaan seksyen 25**

**23.** Subseksyen 25(2) Akta ibu dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan “diletakkan” dengan perkataan “diletakkan buat sementara”; dan

(*b*) dalam perenggan (*a*), dengan memasukkan selepas perkataan “tempat selamat” perkataan “atau pusat”.

**Pindaan seksyen 27**

**24.** Subseksyen 27(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pelindung” dengan perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat”.

**Pindaan seksyen 28**

**25.** Seksyen 28 Akta ibu dipinda—

(*a*) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Pelindung” dengan perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat”;

(*b*) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang hendaklah ditentukan oleh Mahkamah” dengan perkataan “didenda

tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya."; dan

*(c)* dengan memotong subseksyen (3).

**Pindaan seksyen 29**

**26.** Subseksyen 29(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pelindung" dengan perkataan "Pegawai Kebajikan Masyarakat".

**Seksyen baru 29A**

**27.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut:

"**Maklumat mengenai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan**

**29A.** Jika mana-mana orang, selain orang yang disebut dalam seksyen 27, 28 dan 29, mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang kanak-kanak telah dicederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seks, dia bolehlah memberikan maklumat itu kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat.".

**Pindaan seksyen 30**

**28.** Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan sebelum perkataan "boleh" perkataan ", selepas mengambil kira bahawa meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya,";

(ii) dengan menggantikan perenggan *(c)* dengan perenggan yang berikut:

"*(c)* dalam hal seseorang kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau yang telah terbuang sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 17(1)*(e),* membuat perintah—

(i) meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan ibu atau bapa peliharaan yang didapati sesuai oleh Ketua Pengarah selama tempoh dua tahun dari tarikh kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan ibu atau bapa peliharaan itu atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek, dan sementara itu, meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat; atau

(ii) meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan orang yang layak dan sesuai, selama tempoh dua tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek;

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(c)* perenggan yang berikut:

"*(ca)* membuat perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu pusat selama tempoh tiga tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek;";

(iv) dengan menggantikan perkataan "; atau" di hujung perenggan *(d)* dengan noktah; dan

(v) dengan memotong perenggan *(e)*;

*(b)* dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Sebagai tambahan kepada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)*(a)*,*(b)*, *(c)* atau *(ca)*, Mahkamah

Bagi Kanak-Kanak boleh membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di bawah pengawasan—

*(a)* seorang Pelindung; atau

*(b)* seorang lain yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak,

selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu.

*(c)* dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "perenggan (1)*(e)*" dengan perkataan "subperenggan (1)*(c)*(i)";

*(d)* dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "perenggan (1)*(e)*" dengan perkataan "subperenggan (1)*(c)*(i)";

*(e)* dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "(1)*(e)*" dengan perkataan "(1)*(c)*"; dan

*(f)* dalam perenggan (13)*(b)*, dengan memasukkan selepas perkataan "tempat selamat" perkataan "atau pusat".

**Pindaan seksyen 31**

**29.** Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan "kanak-kanak itu" perkataan "atau bertindak secara cuai,";

(ii) dengan menggantikan perkataan "dua puluh" dengan perkataan "lima puluh"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "dua puluh";

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan, atas kesalahan di bawah subseksyen itu—

*(a)* menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh dan dengan apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan

*(b)* melaksanakan khidmat masyarakat.";

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(3A) Khidmat masyarakat yang disebut dalam perenggan (2)*(b)*—

*(a)* tidak boleh kurang daripada tiga puluh enam jam dan tidak lebih daripada 240 jam secara agregat;

*(b)* hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah itu; dan

*(c)* hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Mahkamah.

(3B) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah Mahkamah supaya melaksanakan khidmat masyarakat di bawah perenggan (2)*(b)* melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.".

**Pindaan seksyen 32**

**30.** Seksyen 32 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);

*(b)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan *(a)*;

(ii) dengan menggantikan koma di hujung perenggan *(b)* perkataan "; atau"

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(b)* perenggan yang berikut:

"*(c)* menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang,";

(iv) dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "dua puluh"; dan

(v) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima"; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen itu melaksanakan khidmat masyarakat.

(3) Khidmat masyarakat yang disebut dalam subseksyen (2)—

*(a)* tidak boleh kurang daripada tiga puluh enam jam dan tidak lebih daripada 240 jam secara agregat;

*(b)* hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah itu; dan

*(c)* hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Mahkahah.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah Mahkamah supaya melaksanakan khidmat masyarakat di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.”.

**Pindaan seksyen 33**

**31.** Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);

*(b)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “dua puluh”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “lima”; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen itu melaksanakan khidmat masyarakat.

(3) Khidmat masyarakat yang disebut dalam subseksyen (2)—

*(a)* tidak boleh kurang daripada tiga puluh enam jam dan tidak lebih daripada 240 jam secara agregat;

*(b)* hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah itu; dan

*(c)* hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Mahkamah.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah Mahkamah supaya melaksanakan khidmat masyarakat di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.”.

**Pindaan seksyen 34**

**32.** Subperenggan 34(1)*(a)*(ii) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Pelindung” perkataan “, Pembantu Pelindung”.

**Pindaan seksyen 35**

**33.** Subseksyen 35(4) Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan memasukkan selepas perkataan “Pelindung” perkataan “, selepas mengambil kira bahawa meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya,”; dan

*(b)* dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

“*(b)* diletakkan—

(i) dalam pemeliharaan seseorang saudara atau seorang yang layak dan sesuai atas apa-apa terma dan syarat yang dikehendaki oleh Pelindung;

(ii) di suatu pusat; atau

(iii) di suatu tempat selamat,

sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun atau bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek.”.

**Pindaan seksyen 37**

**34.** Seksyen 37 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan (3)*(a)*, dengan menggantikan perkataan “ditahan” dengan perkataan “diletakkan”; dan

*(b)* dalam subseksyen (6)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "Pelindung" perkataan ", selepas mengambil kira bahawa meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya,"; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

"*(b)* diletakkan—

(i) dalam pemeliharaan seorang saudara atau seorang yang layak dan sesuai atas apa-apa terma dan syarat yang dikehendaki oleh Pelindung;

(ii) di suatu pusat; atau

(iii) di suatu tempat selamat,

sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun atau bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek.".

**Pindaan seksyen 38**

**35.** Seksyen 38 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan *(b)*;

*(b)* dengan menggantikan noktah di hujung perenggan *(c)* dengan koma bertitik; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas perenggan *(c)* perenggan yang berikut:

"*(d)* telah dibawa ke dalam atau akan dihantar keluar dari Malaysia dan penjagaan kanak-kanak itu telah diperoleh sama ada—

(i) selepas dibeli; atau

(ii) dengan fraud, pernyataan palsu atau dakwaan palsu,

sama ada atau tidak bagi maksud pelacuran atau bagi melakukan persetubuhan dengan seseorang lain atau bagi apa-apa maksud lucah;

*(e)* telah diperoleh sama ada di dalam atau di luar Malaysia bagi maksud digunakan, dilatih atau diberikan sebagai seorang pelacur; atau

*(f)* sedang ditahan bertentangan dengan kemahuannya bagi maksud—

(i) pelacuran atau bagi melakukan persetubuhan dengan seseorang lain atau bagi maksud lucah; atau

(ii) dihantar keluar dari Malaysia bagi maksud pelacuran atau bagi melakukan persetubuhan dengan seseorang lain atau bagi maksud lucah.".

**Pindaan seksyen 39**

**36.** Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "dipindahkan" perkataan "dengan serta-merta"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "ditahan" dengan perkataan "diletakkan";

*(b)* dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1) tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen itu dalam masa dua puluh empat jam dari tarikh perintah itu, Pelindung atau pegawai polis itu boleh memindahkan kanak-kanak itu dan meletakkan kanak-kana itu buat sementara di suatu tempat perlindungan.";

*(c)* dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "ditahan" dengan perkataan "diletakkan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "subseksyen (1)" dengan perkataan "subseksyen (1) dan (1A)";

*(d)* dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "subseksyen (1)" dengan perkataan "subseksyen (2)"; dan

*(e)* dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Jika Makamah Bagi Kanak-Kanak itu berpuas hati bahawa kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya memerlukan pelindungan dan pemulihan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan di suatu tempat perlindungan sehingga suatu perintah dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen 40.".

**Seksyen baru 39A**

**37.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 39 seksyen yang berikut:

"**Siasatan oleh Pelindung**

**39A.** (1) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak membuat perintah supaya seseorang kanak-kanak diletakkan di tempat perlindungan di bawah subseksyen 39(4), suatu siasatan mengenai hal keadaan kes kanak-kanak itu hendaklah dibuat oleh Pelindung.

(2) Pelindung hendaklah menyelesaikan siasatan itu dan mengemukakan laporan siasatan itu kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh perintah itu dibuat di bawah subseksyen 39(4).".

**Penggantian seksyen 40**

**38.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 40 dengan seksyen yang berikut:

"**Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan**

**40.** (1) Jika selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah seksyen 39A, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya ialah kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, selepas mengambil kira meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga bahawa adalah sebaik-baiknya, boleh—

*(a)* membuat suatu perintah menghendaki ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu, selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perintah itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah bagi pemeliharaan dan penjagaan sepatutnya kanak-kanak itu;

*(b)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perintah itu dalam pemeliharaan seseorang, sama ada saudara atau tidak, yang sanggup dan yang difikirkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebagai seorang yang layak dan sesuai untuk memelihara kanak-kanak itu;

*(c)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di bawah pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah dan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perintah itu;

*(d)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu pusat selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perintah itu; atau

*(e)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat perlindungan selama tempoh tiga tahun dari tarikh kanak-kanak itu masuk ke sesuatu tempat perlindungan di bawah subseksyen 39(1) atau (1A), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan perintah itu hendaklah menjadi kuasa untuk meletakkannya di suatu tempat perlindungan.

(2) Dalam menentukan apakah perintah yang akan dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah memberikan pertimbangan utama kepada kepentingan kanak-kanak itu.

(3) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) tidak boleh dibuat tanpa memberi ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu peluang untuk hadir dan didengar.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh dibuat jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pelindung bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, setelah dikehendaki hadir, telah tidak berbuat demikian, atau tidak ada atau tidak dapat ditemui dalam masa yang munasabah.

(5) Perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)*(c)* atau *(e)* boleh mempunyai kesan melanjutkan tempoh pengawasan atau peletakan kanak-kanak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun.

(6) Walau apa pun perenggan (1)*(e),* Lembaga Pelawat tempat perlindungan di mana kanak-kanak itu diletakkan boleh mengurangkan tempoh peletakan kanak-kanak itu tetapi tiada pengurangan boleh dibuat hingga membolehkan kanak-kanak itu dilepaskan dari tempat perlindungan itu dalam masa dua belas bulan dari tarikh dia masuk ke tempat perlindungan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan itu, kecuali dengan kebenaran Menteri.

(7) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah, apabila membuat suatu perintah di bawah perenggan (1)*(c)* atau *(e)*,

memerintahkan supaya ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu menyempurnakan suatu bon selama tempoh perintah itu dengan apa-apa syarat yang boleh termasuk—

*(a)* dalam hal perenggan (1)*(c),* memastikan bahawa kanak-kanak itu tinggal di dalam rumah pada masa yang ditetapkan; dan

*(b)* dalam hal perenggan (1)*(e),* lawatan tetap ke tempat perlindungan di mana kanak-kanak itu diletakkan.

(8) Mana-mana kanak-kanak yang dihantar ke suatu tempat perlindungan di bawah perenggan (1)*(e)* hendaklah, apabila habis tempoh peletakannya sama ada kerana—

*(a)* luput masa; atau

*(b)* apa-apa pengurangan yang dibuat menurut subseksyen (6),

diletakkan di bawah pengawasan Pegawai Kebajikan Masyarakat atau orang lain yang dilantik oleh Pelindung bagi maksud itu.

(9) Tempoh pengawasan bagi maksud subseksyen (8) hendaklah ditentukan oleh Lembaga Pelawat tempat perlindungan itu atas syor Pelindung tetapi tidak boleh dalam apa-apa hal melebihi satu tahun dari tarikh habis tempoh peletakan kanak-kanak itu.

(10) Menteri boleh, atas permohonan kanak-kanak itu atau ibu atau bapa atau penjaganya, mengecualikan kanak-kanak itu daripada pemakaian subseksyen (8) jika dia berpuas hati bahawa hal itu memerlukan pengecualian itu.

(11) Tanpa menjejaskan kuasa Lembaga Pelawat menurut subseksyen (6), Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh, atas permohonan secara bertulis yang dibuat oleh—

*(a)* Pelindung;

*(b)* ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang dimaksudkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen ini; atau

*(c)* kanak-kanak itu,

meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen ini—

*(aa)* jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan kanak-kanak itu untuk berbuat demikian; dan

*(bb)* apabila dibuktikan bahawa hal keadaan yang dalamnya perintah itu dibuat telah berubah selepas pembuatan perintah itu.

(12) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh, dalam membuat apa-apa perintah di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa syarat atau memberikan apa-apa arahan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat, dan syarat atau arahan itu boleh termasuk yang berikut:

*(a)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu dengan ditemani oleh kanak-kanak itu hendaklah menghadiri bengkel interaktif yang dianjurkan di pusat-pusat yang ditetapkan yang ditubuhkan bagi maksud sedemikian; atau

*(b)* jika kanak-kanak itu berada di sesuatu institusi pendidikan, bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu hendaklah berunding dengan guru dan guru besar atau pengetua kanak-kanak itu sebulan sekali.

(13) Mana-mana ibu atau bapa atau penjaga yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan atau arahan yang diberikan di bawah subseksyen (12) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(14) Mana-mana orang yang tidak mematuhi syarat bon di bawah perenggan (1)*(a)* atau subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Pindaan seksyen 41**

**39.** Seksyen 41 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "permohonannya sendiri dalam bentuk yang ditetapkan" dengan perkataan "permohonan kanak-kanak itu atau ibu atau bapa atau penjaganya";

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Tertakluk kepada subseksyen (4) dan (5), dan jika hal keadaan memerlukannya, orang yang menjaga mana-mana tempat perlindungan boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya oleh kanak-kanak itu atau oleh ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, menerima masuk ke tempat perlindungan mana-mana kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dengan segera."; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

"(7) Pelindung boleh mengenakan apa-apa syarat atau memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya sesuai bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang diterima masuk atau dibawa di bawah seksyen ini, dan syarat atau arahan itu boleh termasuk yang berikut:

*(a)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu dengan ditemani oleh kanak-kanak itu hendaklah menghadiri bengkel interaktif yang dianjurkan di pusat-pusat yang ditetapkan yang ditubuhkan bagi maksud sedemikian;

*(b)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu hendaklah melawat kanak-kanak itu secara tetap sebagaimana yang ditentukan oleh Pelindung; atau

*(c)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu dengan ditemani oleh kanak-kanak hendaklah menghadiri sesi kaunseling yang dijalankan oleh seorang kaunselor.".

**Pemotongan seksyen 42**

**40.** Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 42.

**Pindaan seksyen 43**

**41.** Perenggan 43(1)*(d)* Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "mana-mana orang lain" perkataan "atau bagi apa-apa maksud lucah".

**Pindaan seksyen 45**

**42.** Seksyen 45 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**Penahanan**" dengan perkataan "**Peletakan**";

*(b)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "ditahan" dengan perkataan "diletakkan";

(ii) dengan menggantikan perkataan "tempat selamat" dengan perkataan "tempat perlindungan"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "penahanan" dengan perkataan "peletakan"; dan

*(c)* dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "ditahan" dengan perkataan "diletakkan";

(ii) dengan menggantikan perkataan "tempat selamat" dengan perkataan "tempat perlindungan"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "mengikut perenggan 30(1)*(d)*" dengan perkataan "tetapi peletakan itu tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun.".

**Penggantian seksyen 46**

**43.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 46 dengan seksyen yang berikut:

"**Kanak-kanak di luar kawalan**

**46.** (1) Suatu permohonan secara bertulis boleh dibuat kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk menahan seseorang kanak-kanak di sesuatu asrama akhlak atau pusat—

*(a)* oleh ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, atas alasan bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu tidak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat;

*(b)* oleh Pelindung dalam hal kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui, atas alasan bahawa kanak-kanak itu tidak berada di bawah pengawasan dan kawalan yang sepatutnya dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat.

(2) Setelah menerima permohonan di bawah perenggan (1)*(a),* Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah menentukan bahawa ibu atau bapa atau penjaga—

*(a)* memahami sifat dan akibat permohonannya; dan

*(b)* bersetuju untuk meneruskan permohonannya itu.

(3) Selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1) dan dalam hal permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1)*(a)*, menentukan bahawa ibu atau bapa atau penjaga memahami sifat dan akibat permohonannya dan bersetuju untuk meneruskan permohonannya di bawah subseksyen (2), Mahkamah Bagi Kanak-Kanak—

*(a)* hendaklah dengan serta-merta menyiasat hal keadaan kes kanak-kanak itu;

*(b)* hendaklah mengarahkan seorang pegawai akhlak untuk menyediakan dan mengemukakan suatu laporan akhlak kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk Mahkamah itu menentukan sama ada suatu perintah di bawah subseksyen (5) boleh dibuat berkenaan dengan kanak-kanak itu; dan

*(c)* boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu ditahan buat sementara di suatu asrama akhlak atau pusat jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian.

(4) Bagi membolehkan pegawai akhlak menyediakan dan mengemukakan laporan akhlak yang disebut dalam perenggan (3)*(b),* Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh dari semasa ke semasa, menangguhkan kes itu selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu bulan pada satu-satu masa.

(5) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh, selepas menimbangkan laporan akhlak yang disebut dalam perenggan (3)*(b)* dan mengambil kira bahawa meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya—

*(a)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai;

*(b)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak di suatu pusat;

*(c)* membuat suatu perintah menahan kanak-kanak di suatu asrama akhlak; atau

*(d)* membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak di bawah pengawasan—

(i) seorang pegawai akhlak; atau

(ii) mana-mana orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah,

selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah.

(6) Sebagai tambahan kepada perintah yang dibuat di bawah perenggan (5)*(a), (b)* atau *(c)*, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah membuat suatu perintah meletakkan seseorang kanak-kanak di bawah pengawasan—

*(a)* seorang pegawai akhlak; atau

*(b)* mana-mana orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah,

selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perintah itu.

(7) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh, dalam membuat apa-apa perintah di bawah subseksyen (5), mengenakan apa-apa syarat atau memberikan apa-apa arahan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat, dan syarat atau arahan itu boleh termasuk yang berikut:

*(a)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu hendaklah melawat kanak-kanak itu secara tetap sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak;

*(b)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu dengan ditemani oleh kanak-kanak itu hendaklah menghadiri bengkel interaktif yang dianjurkan di pusat-pusat yang ditetapkan yang ditubuhkan bagi maksud sedemikian;

*(c)* bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu dengan ditemani oleh kanak-kanak itu hendaklah menghadiri sesi kaunseling yang dijalankan oleh kaunselor; atau

*(d)* jika kanak-kanak itu berada di institusi pendidikan, bahawa ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu hendaklah berunding dengan guru dan guru besar atau pengetua kanak-kanak itu sebulan sekali.

(8) Mana-mana ibu atau bapa atau penjaga yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan atau arahan yang diberikan di bawah subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

**Pindaan seksyen 47**

**44.** Seksyen 47 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "46(2)*(bb)*" dengan perkataan "46(5)*(d)* atau subseksyen 46(6)"; dan

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mahkamah Pengawas yang ke hadapannya seseorang kanak-kanak dibawa di bawah perenggan (1)*(b)* boleh meminda perintah yang dibuat di bawah seksyen 46—

*(a)* jika Mahkamah Pengawas itu berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan kanak-kanak itu untuk berbuat demikian; dan

*(b)* apabila dibuktikan bahawa hal keadaan yang dalamnya perintah itu dibuat telah berubah selepas pembuatan perintah itu,

dan suatu salinan perintah yang dipinda itu hendaklah diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang di dalamnya perintah itu dibuat di bawah seksyen 46.".

**Pindaan seksyen 48**

**45.** Seksyen 48 Akta ibu dipindan—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima puluh"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "dua puluh"; dan

*(b)* dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima puluh"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "dua puluh".

**Pindaan seksyen 49**

**46.** Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima puluh"; dan

*(b)* dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "dua puluh".

**Bahagian baru VIIIA**

**47.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 53 seksyen yang berikut:

"BAHAGIAN VIIIa

PUSAT

**Menteri boleh meluluskan pusat**

**53A.** (1) Menteri boleh meluluskan mana-mana pusat menjadi tempat bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Akta ini.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan pusat diperiksa bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang diletakkan di pusat itu.".

**Pindaan seksyen 55**

**48.** Subseksyen 55(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemeliharaan" dengan perkataan "pelindungan".

**Pindaan seksyen 55A**

**49.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 55 seksyen yang berikut:

"**Jagaan susul kanak-kanak yang dilepaskan dari tempat perlindungan**

**55A.** Jika seseorang kanak-kanak dihantar ke suatu tempat perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang membuat perintah itu hendaklah, pada masa yang sama, membuat suatu perintah bahawa selepas habis tempoh peletakannya dia hendaklah, selama tempoh satu tahun, diletakkan di bawah pengawasan—

*(a)* seorang Pelindung; atau

*(b)* mana-mana orang lain yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak.".

**Pindaan seksyen 56**

**50.** Perenggan 56*(b)* Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "ditahan" dengan perkataan "diletakkan"; dan

*(b)* dalam subperenggan (ii), dengan menggantikan perkataan "tahanannya" dengan perkataan "peletakannya".

**Pindaan seksyen 59**

**51.** Perenggan 59*(a)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pelindung" dengan perkataan "pegawai akhlak".

**Seksyen baru 62A**

**52.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 62 seksyen yang berikut:

"**Jagaan susul kanak-kanak yang dilepaskan dari asrama akhlak**

**62A.** Jika seseorang kanak-kanak dihantar ke suatu asrama akhlak, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang membuat perintah itu hendaklah, pada masa yang sama, membuat suatu perintah bahawa selepas habis tempoh tahanannya dia hendaklah, selama tempoh satu tahun, diletakkan di bawah pengawasan—

*(a)* pegawai akhlak; atau

*(b)* mana-mana orang lain yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak.".

**Penggantian seksyen 63**

**53.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 63 dengan seksyen yang berikut:

"**Kanak-kanak yang lepas lari atau dipindahkan dari asrama akhlak**

**63.** (1) Mana-mana kanak-kanak yang lepas lari atau dipindahkan dari asrama akhlak tanpa kebenaran yang sah—

*(a)* boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai akhlak atau pegawai polis; dan

*(b)* dibawa balik ke asrama itu atau ke hadapan Mahkamah Pengawas.

(2) Jika kanak-kanak itu dibawa ke hadapan Mahkamah Pengawas di bawah perenggan (1)*(b)*—

*(a)* dalam hal seseorang kanak-kanak yang ditahan di suatu asrama akhlak di bawah perenggan 46(5)*(c)*, Mahkamah Pengawas boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 47(2); dan

*(b)* dalam hal seseorang kanak-kanak dalam percubaan, Mahkamah Pengawas boleh memperlakukan kanak-kanak itu bagi kesalahan yang kerananya dia dihantar ke asrama akhlak mengikut cara yang sama sebagaimana Mahkamah Pengawas itu boleh memperlakukannya sekiranya Mahkamah Pengawas itu mendapati kanak-kanak itu bersalah atas kesalahan itu.".

**Pindaan seksyen 67**

**54.** Subseksyen 67(1) Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan "kesalahan" perkataan "selain jenayah berat";

*(b)* dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

"*(b)* laporan akhlak yang dikemukakan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak menunjukkan bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemulihan keinstitusian; dan"; dan

*(c)* dengan menggantikan perkataan "atas syor pegawai akhlak" dengan perkataan "selepas menimbangkan laporan akhlak itu".

**Pindaan seksyen 70**

**55.** Perenggan 70*(b)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak" dengan perkataan"Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak".

**Pindaan seksyen 71**

**56.** Subseksyen 71(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "waran" perkataan "oleh pegawai akhlak atau pegawai polis".

**Seksyen baru 73A**

**57.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 73 seksyen yang berikut:

"**Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara berkenaan dengan Sekolah Henry Gurney**

**73A.** Komisioner Jeneral Penjara boleh mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral berkenaan dengan Sekolah Henry Gurney yang hendaklah selaras dengan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.".

**Pindaan seksyen 75**

**58.** Seksyen 75 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

"*(b)* laporan akhlak yang dikemukakan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak menunjukkan bahawa kanak-kanak itu tidak sesuai dipulihkan di sekolah diluluskan; dan;" dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "atas syor pegawai akhlak" dengan perkataan "selepas menimbangkan laporan akhlak itu";

*(b)* dalam perenggan (2)*(b)*—

(i) dengan memotong perkataan "dan" di hujung subperenggan (i); dan

(ii) dalam subperenggan (ii)—

(A) dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah Penjara" dengan perkataan "Komisioner Jeneral Penjara"; dan

(B) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan "; dan"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

"(iii) dalam subseksyen 71(1), perkataan "pegawai akhlak" hendaklah digantikan dengan perkataan "pegawai penjara"."; dan

*(c)* dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah Penjara" dengan perkataan "Komisioner Jeneral Penjara".

**Pindaan seksyen 81**

**59.** Seksyen 81 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "**orang**" perkataan "**diletakkan atau**";

*(b)* dengan memasukkan selepas perkataan "kanak-kanak" perkataan "diletakkan atau"; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas perkataan "tempoh" perkataan "peletakan atau".

**Pindaan seksyen 82**

**60.** Seksyen 82 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dan sekolah diluluskan" dengan perkataan ", sekolah diluluskan dan Sekolah Henry Gurney".

**Pindaan seksyen 83**

**61.** Seksyen 83 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**Perbicaraan**" dengan perkataan "**Tatacara jenayah bagi**"; dan

*(b)* dalam perenggan (2)*(b)*, dengan menggantikan perkataan "*(g)*" dengan perkataan "*(da)*".

**Seksyen baru 83A**

**62.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 83 seksyen yang berikut:

"**Tangkapan**

**83A.** (1) Seseorang kanak-kanak yang ditangkap tidak boleh digari melainkan jika—

*(a)* kesalahan yang kerananya dia ditangkap ialah jenayah berat; atau

*(b)* kanak-kanak itu menentang dengan kekerasan usaha untuk menangkapnya atau cuba untuk mengelakkan tangkapan itu.

(2) Apabila seseorang kanak-kanak ditangkap, dia hendaklah dimaklumkan mengenai alasan penangkapannya, dan pegawai polis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, sebelum memulakan apa-apa bentuk soal siasat atau perakaman apa-apa kenyataan daripada kanak-kanak itu, menghubungi ibu atau bapa atau penjaga, atau saudara kanak-kanak itu dan pegawai akhlak untuk memaklumkan mengenai—

*(a)* keberadaan kanak-kanak itu;

*(b)* alasan kanak-kanak itu ditangkap; dan

*(c)* hak untuk berunding dengan peguam pilihan kanak-kanak itu.

(3) Pegawai polis boleh membenarkan pegawai akhlak dan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu untuk hadir di tempat di mana-mana kanak-kanak itu ditahan selepas ditangkap untuk memastikan kebajikan kanak-kanak itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan menyentuh kuasa seseorang pegawai polis untuk memperlakukan kanak-kanak yang ditangkap mengikut Kanun Tatacara Jenayah.".

**Pindan seksyen 85**

**63.** Seksyen 85 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "**balai polis**" dengan perkataan "**, tempat tahanan**";

*(b)* dengan menggantikan perenggan *(a)* dengan perenggan yang berikut:

"*(a)* untuk menghalang seseorang kanak-kanak semasa—

(i) dibawa ke atau dari balai polis atau tempat tahanan;

(ii) ditahan di balai polis atau tempat tahanan;

(iii) dibawa ke atau dari mana-mana Mahkamah; atau

(iv) menunggu sebelum atau selepas hadir di mana-mana Mahkamah,

daripada bergaul dengan seseorang dewasa yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan;"; dan

*(c)* dengan menggantikan perenggan *(c)* dengan perenggan yang berikut:

"*(c)* untuk menghalang gambar seseorang kanak-kanak semasa—

(i) ditahan;

(ii) dibawa ke atau dari balai polis atau tempat tahanan;

(iii) ditahan di balai polis atau tempat tahanan;

(iv) dibawa ke atau dari mana-mana Mahkamah; atau

(v) menunggu sebelum atau selepas hadir di mana-mana Mahkamah,

daripada dirakamkan dalam apa-apa cara atas pita atau filem atau dengan apa-apa perantara elektronik.”.

**Pindaan seksyen 87**

**64.** Seksyen 87 Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan *(a)*.

**Seksyen baru 89A**

**65.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 89 seksyen yang berikut:

“**Permohonan bagi perwakilan undang-undang**

**89A.** (1) Jika seseorang kanak-kanak itu dipertuduh atas apa-apa kesalahan dan tidak berupaya untuk melantik seorang peguam untuk mewakilinya, kanak-kanak itu boleh memohon kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk mendapatkan peguam bagi maksud itu.

(2) Mahkamah hendaklah, setelah menerima permohonan yang dibuat oleh kanak-kanak di bawah subseksyen (1), menugaskan seorang peguam untuk mewakili kanak-kanak itu.”.

**Pindaan seksyen 90**

**66.** Seksyen 90 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (12), dengan memasukkan selepas perkataan “kanak-kanak,” perkataan “mengarahkan pegawai akhlak untuk menyediakan dan mengemukakan laporan akhlak kepada Mahkamah untuk Mahkamah itu”; dan

*(b)* dalam subseksyen (13), dengan menggantikan perkataan “oleh seorang pegawai akhlak” dengan perkataan “dan dikemukakan oleh pegawai akhlak dalam masa tiga puluh

hari dari tarikh arahan diberikan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk pegawai akhlak itu menyediakan dan mengemukakan laporan akhlak itu.”.

**Pindaan seksyen 91**

**67.** Subseksyen 91(1) Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan memasukkan selepas perenggan *(d)* perenggan yang berikut:

“*(da)* membuat perintah khidmat masyarakat”; dan

*(b)* dengan memotong perenggan *(g)*.

**Pemotongan seksyen 92**

**68.** Seksyen 92 Akta ibu dipotong.

**Pindaan seksyen 95**

**69.** Subseksyen 95(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kecuali dalam hal sebatan yang pelaksanaannya hendaklah ditangguhkan sementara menanti rayuan, tiada” dengan perkataan “Tiada”.

**Bab baru 3A Bahagian X**

**70.** Bahagian X Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 97 Bab yang berikut:

“BAB 3A

PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

**Perintah khidmat masyarakat**

**97A.** (1) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang olehnya atau di hadapannya seseorang kanak-kanak didapati bersalah atas sesuatu kesalahan, berpendapat bahawa adalah patut Mahkamah itu berbuat demikian, Mahkamah Bagi Kanak-

Kanak boleh membuat suatu perintah yang menghendaki kanak-kanak itu untuk melaksanakan khidmat masyarakat tidak melebihi 120 jam secara agregat dalam tempoh yang tidak melebihi enam bulan, pada bila-bila masa dan tempat sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

(2) Semasa tempoh perintah khidmat masyarakat, kanak-kanak itu—

*(a)* hendaklah patuh kepada pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat;

*(b)* hendaklah melaksanakan khidmat masyarakat bagi bilangan jam secara agregat yang dikenakan ke atasnya oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam tempoh yang tidak melebihi enam bulan;

*(c)* tidak boleh melakukan apa-apa kesalahan; dan

*(d)* hendaklah mematuhi apa-apa kehendak lain, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dengan mengambil kira hal keadaan kes itu termasuk mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut:

(i) bahawa kanak-kanak itu hendaklah menghadiri bengkel interaktif yang dianjurkan di pusat-pusat yang ditetapkan yang ditubuhkan bagi maksud sedemikian;

(ii) jika kanak-kanak itu berada di suatu institusi pendidikan, bahawa kanak-kanak itu hendaklah hadir di institusi itu; atau

(iii) bahawa kanak-kanak itu hendaklah menghadiri sesi kaunseling yang dijalankan oleh seorang kaunselor.

(3) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak membuat suatu perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen (1), Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah—

*(a)* menimbangkan syor dan pandangan pegawai akhlak mengenai kesesuaian khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan oleh kanak-kanak itu;

*(b)* menerangkan kepada kanak-kanak itu dalam bahasa yang mudah, sesuai dengan usia, kematangan dan pemahamannya—

(i) tentang kesan perintah itu; dan

(ii) bahawa adalah menjadi suatu kesalahan jika kanak-kanak itu tidak mematuhi apa-apa kehendak perintah itu; dan

*(c)* memberikan suatu salinan perintah itu kepada—

(i) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu;

(ii) kanak-kanak itu;

(iii) pegawai akhlak itu; dan

(iv) kecuali jika Mahkamah itu sendiri ialah Mahkamah Pengawas, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi daerah atau kawasan yang dinamakan dalam perintah itu di mana kanak-kanak itu dikehendaki melaksanakan khidmat masyarakat itu.

**Tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat**

**97B.** (1) Jika pada bila-bila masa semasa tempoh perintah khidmat masyarakat Mahkamah Pengawas berpendapat bahawa seseorang kanak-kanak telah tidak mematuhi mana-mana kehendak perintah khidmat masyarakat di bawah perenggan 97A(2)*(a), (b)* atau *(d),* Mahkamah Pengawas boleh mengeluarkan—

*(a)* suatu saman menghendaki kanak-kanak itu hadir di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam saman itu; atau

*(b)* suatu waran untuk menangkapnya.

(2) Sesuatu waran di bawah subseksyen (1) tidak boleh dikeluarkan kecuali berdasarkan maklumat bertulis dan dengan bersumpah yang dikemukakan oleh pegawai akhlak.

(3) Sesuatu saman atau waran yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah mengarahkan kanak-kanak itu supaya hadir di atau dibawa ke hadapan Mahkamah Pengawas.

(4) Seseorang kanak-kanak apabila ditangkap di bawah subseksyen (1) boleh, jika tidak dibawa dengan serta-merta ke hadapan Mahkamah Pengawas di bawah subseksyen (3)—

*(a)* ditahan di suatu tempat tahanan; atau

*(b)* dilepaskan atas jaminan, dengan atau tanpa penjamin,

sehingga suatu masa dia dapat dibawa ke hadapan Mahkamah Pengawas.

(5) Jika dibuktikan sehingga Mahkamah Pengawas berpuas hati bahawa kanak-kanak itu tidak mematuhi mana-mana kehendak perintah khidmat masyarakat di bawah perenggan 97A(2)*(a)*,*(b)* atau *(d)*, Mahkamah itu boleh, tanpa menjejaskan keberterusan perintah khidmat masyarakat itu—

*(a)* mengenakan ke atasnya suatu denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit;

*(b)* memperlakukan kanak-kanak itu bagi kesalahan yang berkenaan dengannya perintah khidmat masyarakat itu dibuat mengikut apa-apa cara yang dia boleh diperlakukan oleh Mahkamah jika Mahkamah itu telah mendapatinya bersalah atas kesalahan itu; atau

*(c)* dalam hal kanak-kanak yang masih tidak melaksanakan khidmat masyarakat bagi bilangan jam secara agregat yang dikenakan ke atasnya dengan sepenuhnya, memerintahkannya untuk melaksanakan khidmat masyarakat bagi baki bilangan jam secara agregat yang tidak habis di bawah perintah yang pada asalnya dikeluarkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah itu dibuat di bawah perenggan ini.

(6) Sesuatu denda yang dikenakan di bawah seksyen ini kerana tidak mematuhi mana-mana kehendak suatu perintah khidmat masyarakat hendaklah—

*(a)* disifatkan bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis sebagai suatu jumlah wang yang dihukum supaya dibayar atas suatu sabitan; dan

*(b)*diambil kira dalam membuat apa-apa perintah kemudiannya ke atas kanak-kanak di bawah seksyen ini atau seksyen 97C.

(7) Bagi maksud perenggan (6)*(a),* "suatu jumlah wang yang dihukum supaya dibayar atas suatu sabitan" termasuklah apa-apa kos, ganti rugi atau pampasan yang dihukum supaya dibayar atas sesuatu sabitan yang amaunnya ditentukan oleh sabitan itu.

(8) Seseorang kanak-kanak yang tidak mematuhi perenggan 97A(2)*(c)* hendaklah diperlakukan di bawah seksyen 97C.

**Pelakuan kesalahan selanjutnya**

**97C.** (1) Jika didapati oleh Mahkamah Pengawas bahawa—

*(a)* seseorang kanak-kanak telah didapati bersalah oleh suatu Mahkamah atas suatu kesalahan yang dilakukan dalam tempoh khidmat masyarakat itu; dan

*(b)* kanak-kanak itu telah diperlakukan berkenaan dengan kesalahan itu,

Mahkamah Pengawas itu boleh mengeluarkan—

*(aa)* suatu saman yang menghendaki kanak-kanak itu hadir di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam saman itu; atau

*(bb)* suatu waran bagi menangkapnya.

(2) Suatu waran di bawah subseksyen (1) tidak boleh dikeluarkan kecuali berdasarkan maklumat secara bertulis dan dengan bersumpah yang dikemukakan oleh pegawai akhlak.

(3) Sesuatu saman atau waran yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah mengarahkan kanak-kanak itu supaya hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah Pengawas.

(4) Jika dibuktikan sehingga Mahkamah Pengawas berpuas hati bahawa seseorang kanak-kanak yang mengenai kesnya perintah itu dibuat telah didapati bersalah dan telah diperlakukan

berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang dilakukan dalam tempoh khidmat masyarakat itu, Mahkamah itu boleh memperlakukannya bagi kesalahan yang kerananya perintah itu dibuat mengikut apa-apa cara yang dia boleh diperlakukan oleh Mahkamah jika Mahkamah telah mendapatinya bersalah atas kesalahan itu.

**Kesan perintah khidmat masyarakat**

**97D.** (1) Dapatan bersalah bagi sesuatu kesalahan yang mengenainya suatu perintah dibuat di bawah Bab ini yang menghendaki kanak-kanak itu untuk melaksanakan khidmat masyarakat hendaklah disifatkan bukan suatu sabitan bagi apa-apa maksud selain bagi maksud—

*(a)* prosiding yang dalamnya perintah itu dibuat; dan

*(b)* apa-apa prosiding kemudiannya yang mungkin diambil terhadap seseorang kanak-kanak di bawah Bab ini.

(2) Subseksyen (1) tidaklah menyentuh—

*(a)* hak mana-mana kanak-kanak itu—

(i) untuk merayu terhadap sesuatu dapatan bersalah; atau

(ii) untuk bergantung kepada sesuatu dapatan bersalah bagi menghalang apa-apa prosiding kemudiannya bagi kesalahan yang sama; atau

*(b)* peletakhakan semula atau pemulangan apa-apa harta akibat daripada dapatan bersalah mana-mana kanak-kanak itu.

**Pindaan perintah khidmat masyarakat**

**97E.** (1) Jika Mahkamah Pengawas berpuas hati bahawa seseorang kanak-kanak bercadang hendak menukar atau telah menukar tempat kediamannya dari daerah atau kawasan yang dinamakan dalam perintah khidmat masyarakat ke daerah atau kawasan yang dinamakan dalam perintah khidmat masyarakat

itu ke daerah atau kawasan yang lain, Mahkamah itu boleh, dan jika suatu permohonan bagi maksud itu dibuat oleh pegawai akhlak, hendaklah, dengan perintah meminda perintah khidmat masyarakat itu dengan menggantikan daerah atau kawasan tempat kanak-kanak itu bercadang hendak tinggal atau sedang tinggal.

(2) Jika perintah khidmat masyarakat itu mengandungi kehendak yang pada pendapat Mahkamah Pengawas itu tidak dapat dipatuhi melainkan jika kanak-kanak itu terus tinggal di daerah atau kawasan yang dinamakan dalam perintah itu, Mahkamah Pengawas itu tidak boleh meminda perintah itu kecuali mengikut subseksyen (4).

(3) Jika suatu perintah khidmat masyarakat dipinda di bawah subseksyen (1), Mahkamah Pengawas hendaklah menghantarkan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi daerah atau kawasan baharu yang dinamakan dalam perintah itu suatu salinan perintah itu bersama apa-apa dokumen dan maklumat yang berhubungan dengan kes itu yang difikirkannya mungkin dapat membantu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) dan (3), Mahkamah Pengawas boleh, atas permohonan yang dibuat oleh pegawai akhlak atau oleh kanak-kanak itu, dengan perintah meminda perintah khidmat masyarakat itu dengan—

*(a)* membatalkan apa-apa kehendak dalam perintah khidmat masyarakat; atau

*(b)* memasukkan dalam perintah khidmat masyarakat itu, sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti bagi apa-apa kehendak sedemikian, apa-apa kehendak yang boleh dimasukkan ke dalam perintah itu jika perintah itu dibuat oleh Mahkamah mengikut seksyen 97A.

(5) Mahkamah Pengawas tidak boleh meminda suatu perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen (4) dengan—

*(a)* mengurangkan tempoh perintah khidmat masyarakat itu; atau

*(b)* melanjutkan tempoh itu supaya tempoh perintah khidmat masyarakat itu menjadi lebih daripada enam bulan.

**Mahkamah hendaklah memberikan salinan perintah khidmat masyarakat pindaan kepada pegawai akhlak**

**97F.** Apabila suatu perintah yang meminda suatu perintah khidmat masyarakat dibuat di bawah seksyen 97E—

*(a)* Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberikan salinan yang mencukupi perintah pindaan itu kepada pegawai akhlak; dan

*(b)* pegawai akhlak itu hendaklah memberikan suatu salinan perintah pindaan itu kepada —

(i) kanak-kanak itu; dan

(ii) Pegawai Kebajikan Masyarakat.”.

**Pindaan seksyen 106**

**71.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 106(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Seseorang kanak-kanak yang lepas lari atau dipindahkan daripada pemeliharaan orang yang layak dan sesuai tanpa kebenaran yang sah boleh—

*(a)* ditangkap tanpa waran oleh Pelindung, pegawai akhlak atau pegawai polis; dan

*(b)* dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang membuat perintah itu atau ke hadapan Mahkamah Pengawas.”.

**Pindaan seksyen 115**

**72.** Seksyen 115 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan *(b)*, dengan memasukkan selepas perkataan “Pelindung” perkataan “, Pembantu Pelindung”;

*(b)* dalam perenggan *(c)*, dengan memasukkan selepas perkataan "Pelindung" perkataan ", Pembantu Pelindung";

*(c)* dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh"; dan

*(d)* dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga".

**Pindaan seksyen 118**

**73.** Seksyen 118 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "Yang Memerlukan Pelindungan".

**Pindaan seksyen 119**

**74.** Seksyen 119 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan *(a)*; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas perenggan *(a)* perenggan yang berikut:

"*(aa)* butir-butir orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan yang seseorang kanak-kanak ialah mangsa; dan".

**Pindaan seksyen 120**

**75.** Perenggan 120(1)*(c)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak" dengan perkataan "Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak".

**Pindaan seksyen 123**

**76.** Seksyen 123 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Pelindung," perkataan "Pembantu Pelindung, pegawai penjara,".

**Pindaan seksyen 125**

**77.** Seksyen 125 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh"; dan

*(b)* dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga".

**Pindaan seksyen 128**

**78.** Seksyen 128 Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan "asrama-asrama akhlak" perkataan ", tempat-tempat tahanan";

(ii) dalam perenggan *(c)*, dengan memasukkan selepas perkataan "tanggungjawab" perkataan "Pelindung-Pelindung, Pembantu-Pembantu Pelindung dan";

(iii) dalam perenggan *(d)*, dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak" dengan perkataan "Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak"; dan

(iv) dalam perenggan *(m)*, dengan memasukkan selepas perkataan "Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak" perkataan "dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak"; dan

*(b)* dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga".

**Pindaan Jadual Pertama**

**79.** Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Perenggan 15(1)*(c)*” dengan perkataan “Perenggan”.

**Peruntukan kecualian**

**80.** (1) Bagi maksud seksyen ini, “tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2) bagi permulaan kuat kuasa seksyen ini.

(2) Pada tarikh yang ditetapkan, Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak dibubarkan.

(3) Anggota Majlis yang dibubarkan yang dilantik di bawah Akta ibu dan anggota jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis yang dibubarkan di bawah Akta ibu sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terhenti daripada memegang jawatan pada tarikh yang ditetapkan.

(4) Tiap-tiap tindakan atau benda yang dibuat, diambil, atau dimulakan oleh anggota Majlis yang dibubarkan yang disebut dalam Akta ibu sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada atau selepas tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dibuat, diambil atau dimulakan di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(5) Apa-apa penyiasatan, siasatan, perbicaraan atau prosiding, dan perkara yang berhubungan dengan penyiasatan, siasatan, perbicaraan atau prosiding di bawah Akta ibu yang sedia ada dan belum selesai sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah diteruskan dan diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(6) Apa-apa penyiasatan, siasatan, perbicaraan atau prosiding, dan perkara yang berhubungan dengan penyiasatan, siasatan, perbicaraan atau prosiding itu yang mungkin dimulakan atau dibawa di bawah Akta ibu sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah dimulakan atau dibawa di bawah Akta ibu sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah dimulakan, dibawa dan diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(7) Apa-apa permohonan atau kelulusan di bawah Akta ibu yang sedia ada dan belum selesai pada tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan oleh Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(8) Apa-apa penghakiman, hukuman, perintah, keputusan atau arahan yang dibuat di bawah Akta ibu hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dibuat di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (10), apa-apa penghakiman, hukuman, perintah, keputusan atau arahan yang dibuat di bawah Akta ibu yang sedia ada dan belum selesai sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(10) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 30, 35, 37, 40 atau 46 Akta ibu yang sedia ada dan belum selesai sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(11) Apa-apa hak, keistimewaan, obligasi, liabiliti, penalti atau hukuman yang diperoleh, terakru atau dilakukan di bawah Akta ibu boleh diteruskan, dikuatkuasakan, dikenakan dan diuruskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini ("Akta yang dicadangkan") bertujuan untuk meminda Akta Kanak-Kanak 2011 ("Akta 611") terutamanya untuk meningkatkan pelindungan dan kebajikan kanak-kanak. Akta yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak ("Majlis") untuk menguruskan dengan lebih baik isu dan aspek yang berhubungan dengan pelindungan, pemeliharaan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak, untuk memperkenalkan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga untuk menggalakkan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak, untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam menyediakan perkhidmatan yang berhubungan pemeliharaan, pelindungan, pemulihan dan perkembangan kanak-

kanak, untuk menggantikan perkataan "ditahan" dan "tahanan" dengan perkataan "diletakkan" dan "peletakan" masing-masing berkaitan dengan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan dan pemulihan, di mana-mana jua terdapat, untuk membenarkan butir-butir mengenai orang yang disabitkan atas mana-mana kesalahan yang kanak-kanak ialah mangsa disimpan dalam Daftar Kanak-Kanak, untuk memansuhkan hukuman sebatan bagi kanak-kanak yang didapati bersalah atas suatu kesalahan dan untuk memasukkan peruntukan yang berhubungan dengan perintah khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan oleh kanak-kanak, untuk menjelaskan lagi hak kanak-kanak apabila ditangkap, untuk meningkatkan amaun penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 611 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai khidmat masyarakat sebagai suatu bentuk hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 611, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit atau bersampingan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 611 untuk memasukkan takrif baru dan meminda takrif sedia ada tertentu dalam Akta 611.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda Bahagian II Akta 611 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 5*.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis untuk menggantikan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Majlis itu.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A untuk memperuntukkan bahawa Kerajaan hendaklah menguntukkan Majlis dengan dana yang mencukupi secara tahunan untuk membolehkan Majlis melaksanakan fungsinya di bawah Akta 611.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Majlis, yang termasuklah dua orang wakil dalam kalangan kanak-kanak yang hendaklah dilantik oleh Menteri atas syor Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Ini untuk menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam proses pembuatan keputusan dalam perkara yang menyentuh mereka. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)* atau *(s)* hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun dan hendaklah layak dilantik semula bagi tempoh maksimum dua penggal berturut-turut.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)* dan *(s)*.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun dan bahawa kuorum Majlis hendaklah termasuk sekurang-kurangnya seorang

wakil dalam kalangan kanak-kanak yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(r)*. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya, dan bahawa anggota Majlis dan mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Majlis boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A ke dalam Akta 611 untuk membenarkan Majlis meluluskan ketetapan tanpa bermesyuarat jika anggota Majlis telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memaklumkan semua anggota Majlis mengenai ketetapan yang dicadangkan itu. Semua anggota Majlis hendaklah menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Majlis.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa, kecuali anggota jawatankuasa yang dilantik dalam kalangan anggota Majlis, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 6A ke dalam Akta 611 untuk menyatakan hal keadaan yang jawatan seseorang anggota Majlis atau jawatankuasa boleh dikosongkan.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan dan pelindungan kanak-kanak boleh dilantik oleh Menteri untuk menjadi anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak. Ini untuk memastikan penyelarasan perkhidmatan yang berkesan yang diberikan kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan pelindungan. Melalui pindaan ini, Pelindung ditugaskan untuk mengawasi Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 7A ke dalam Akta 611 untuk menubuhkan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak untuk menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pelindungan dan pemulihan atau jika kanak-kanak itu didapati bersalah atas apa-apa kesalahan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai keanggotaan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak. Pegawai akhlak atau Pelindung ditugaskan untuk mengawasi Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pembantu Pelindung oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 611 berikutan penggantian istilah "Pendaftar Besar" dalam bahasa kebangsaan dengan istilah "Ketua Pendaftar".

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 611 untuk memberi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak kuasa untuk membuat suatu perintah yang berhubungan dengan peletakan kanak-kanak di suatu tempat perlindungan dan tempoh perintah khidmat masyarakat di bawah Bab 3A Bahagian X Akta 611 yang dicadangkan yang mempunyai kesan melanjutkan tempoh peletakan dan perintah khidmat masyarakat itu melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 611 untuk mempertingkatkan pelindungan kanak-kanak berhubung dengan laporan dan penyiaran media. Pada masa ini, di bawah perenggan 15(1)*(a)* Akta 611, sekatan mengenai laporan dan penyiaran media terpakai bagi langkah yang diambil terhadap seseorang kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam apa-apa perbuatan atau peninggalan hanya pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan bagi perbuatan atau peninggalan jenayah itu. Di samping itu, di bawah perenggan 15(1)*(c)* Akta 611 sekatan kepada laporan dan penyiaran media massa terpakai bagi mana-mana kanak-kanak berkenaan dengannya mana-mana kesalahan di bawah Jadual Pertama telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan. Melalui pindaan ini, sekatan itu hendaklah terpakai, walaupun semasa penyiasatan perbuatan atau peninggalan itu dan juga bagi mana-mana kanak-kanak yang berkenaan dengannya mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 611 untuk meluaskan maksud kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan. Melalui pindaan ini, seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan jika ibu atau bapanya telah bertindak dengan cuai dalam menjalankan pengawasan dan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu, dan jika kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, selain aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak.

20. *Fasal 19* dan *20* bertujuan untuk meminda seksyen 18 dan 19 Akta 611 masing-masing untuk membuat peruntukan mengenai pengambilan seseorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan ke dalam jagaan sementara dan memberi Pembantu Pelindung kuasa untuk mengambil kanak-kanak ke dalam jagaan sementara. *Fasal 19* memperuntukkan bahawa mana-mana Pembantu Pelindung atau pegawai polis yang mengambil kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen ini hendaklah dengan serta-merta sebaik sahaja dibuat pengambilan itu, memberitahu Pelindung dan dalam masa dua belas jam sebaik selepas dibuat pengambilan sedemikian, membawa kanak-kanak itu ke hadapan Pelindung. Jika seseorang kanak-kanak dibawa ke dalam jagaan sementara di bawah Bahagian ini lepas lari atau dipindahkan tanpa kebenaran yang sah, Pelindung hendaklah menyiasat hal keadaan kes itu dan memberitahu ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu mengenai pelepasan lari atau pemindahan itu dan jika kanak-kanak itu ditemui, kanak-kanak itu hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak oleh Pelindung mengikut seksyen 19 Akta 611. *Fasal 19* juga bertujuan untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memindahkan seseorang kanak-kanak daripada jagaan sementara tanpa kebenaran yang sah, dengan sedar membantu atau mendorong, secara langsung atau tidak langsung,

seseorang kanak-kanak lepas lari daripada jagaan sementara atau dengan sedar menyorokkan atau menyembunyikan seseorang kanak-kanak yang telah lepas lari sedemikian, atau menghalang kanak-kanak itu kembali ke dalam jagaan sementara. *Fasal 20* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang kanak-kanak dibawa ke hadapan Majistret di bawah subseksyen 19(1) Akta 611, Majistret boleh mengarahkan bahawa kanak-kanak itu diletakkan buat sementara di suatu pusat sehingga masa kanak-kanak itu dapat dibawa ke hadapan Majistret di bawah subseksyen 18(2) Akta 611, Majistret boleh mengarahkan bahawa kanak-kanak itu diletakkan buat sementara di pusat sehingga masa kanak-kanak itu dapat dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Ini untuk meningkatkan kecekapan dalam menguruskan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan. Pelantikan Pembantu Pelindung juga dihasratkan untuk membolehkan anggota masyarakat terlibat dalam memberikan pemeliharaan dan pelindungan bagi kanak-kanak.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 611 untuk memberi kuasa kepada Pembantu Pelindung yang membawa kanak-kanak ke dalam jagaan sementara untuk tidak membawa kanak-kanak itu ke hadapan Pelindung tetapi sebaliknya mengemukakan kanak-kanak itu ke hadapan seorang pegawai perubatan jika dia berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika Pembantu Pelindung tidak membawa kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen 18 Akta 611 tetapi dia berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, dia boleh, dengan kebenaran Pelindung, mengarahkan secara bertulis orang yang pada hematnya sedang memelihara kanak-kanak itu supaya membawa kanak-kanak itu kepada seorang pegawai perubatan dengan serta-merta.

22. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 611 berbangkit daripada kemasukan subseksyen baru 20(1A) di bawah *fasal* 21.

23. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa seseorang kanak-kanak yang yang diperiksa atau dirawat dari segi perubatan dan dibawa ke hadapan Majistret di bawah subseksyen 25(2) Akta 611, boleh diarahkan oleh Majistret untuk diletakkan buat sementara di suatu pusat sehingga masa kanak-kanak itu dapat dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

24. *Fasal* 24, 25 dan 26 bertujuan untuk meminda seksyen 27, 28 dan 29 Akta 611 masing-masing untuk mengenakan kewajipan ke atas seseorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar, anggota keluarga kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak, yang mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak itu dicederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau didedahkan, atau teraniaya dari segi seks, untuk serta-merta memberitahu Pegawai Kebajikan Masyarakat dan bukannya kepada Pelindung. Pada masa ini, mana-mana anggota keluarga yang tidak mematuhi subseksyen 28(1) Akta 611 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dilepaskan dengan bon atas syarat yang ditentukan oleh Mahkamah. Dengan pindaan ini, peruntukan mengenai bon ditiadakan dan mana-mana anggota keluarga yang tidak mematuhi subseksyen 28(1) Akta 611 boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Pindaan ini adalah perlu untuk menangani peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Dalam kebanyakan kes, anggota keluarga merupakan orang yang paling penting untuk memaklumkan seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat jika seseorang kanak-kanak teraniaya, terabai, terbuang atau didedahkan, atau teraniaya dari segi seks.

25. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29A untuk memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang, selain orang yang disebut dalam seksyen 27, 28 dan 29, mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa seseorang kanak-kanak telah dicederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau didedahkan, atau teraniaya dari segi seks, dia boleh memberikan maklumat itu kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat. Ini adalah untuk menggalakkan maklumat diberikan oleh anggota masyarakat termasuk termasuk guru, sahabat dan jiran kanak-kanak jika kanak-kanak itu dicederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau didedahkan, atau teraniaya dari segi seks. Maklumat sedemikian adalah penting untuk menyelamatkan nyawa seseorang kanak-kanak.

26. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 611 mengenai kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk membuat perintah berkenaan dengan seseorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan agar selaras dengan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga. *Fasal* ini memperuntukkan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah, sebelum membuat perintah di bawah subseksyen 30(1) Akta 611, mengambil kira bahawa meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya. "Pemeliharaan berasaskan keluarga" ertinya pemeliharaan kanak-kanak dalam suasana kekeluargaan, termasuk—

*(a)* pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu atau bapa, penjaga atau saudara;

*(b)* pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu atau bapa peliharaan atau orang yang layak dan sesuai; atau

*(c)* pemeliharaan kanak-kanak di suatu pusat.

27. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 611 untuk meningkatkan penalti sedia ada di bawah seksyen ini daripada denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi khidmat masyarakat sebagai hukuman tambahan.

28. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta 611 untuk meningkatkan penalti sedia ada di bawah seksyen ini. Dengan pindaan ini, mana-mana orang yang, merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak yang membenarkan kanak-kanak itu berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud mengemis, menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan atau menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang

memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu atau bagi apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi khidmat masyarakat sebagai suatu hukuman tambahan.

29. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 611 untuk meningkatkan penalti sedia ada di bawah seksyen ini. Melalui pindaan ini, mana-mana orang yang, merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak yang meninggalkan kanak-kanak itu tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang sewajarnya bagi kanak-kanak itu selama suatu tempoh yang tidak wajar memandangkan semua hal keadaan atau dalam keadaan yang tidak sewajarnya memandangkan semua hal keadaan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan khidmat masyarakat sebagai suatu hukuman tambahan.

30. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta 611 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada *fasal 19* dan *20* yang berhubungan dengan pengambilan kanak-kanak ke dalam jagaan oleh seseorang Pembantu Pelindung.

31. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta 611 mengenai kuasa Pelindung untuk membuat perintah berkenaan dengan pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan oleh seseorang yang dikehendaki untuk diberitahukan kepada Pelindung di bawah seksyen 35 Akta 611. Di bawah seksyen 35 Akta 611, apabila pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan oleh seseorang telah diberitahu kepada Pelindung, Pelindung itu hendaklah membuat siasatan mengenai hal keadaan pengambilan itu dan membuat perintah yang berhubungan dengan kanak-kanak. Dengan pindaan ini, Pelindung hendaklah, apabila membuat perintah itu, mengambil kira bahawa meletakkan seseorang kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya.

32. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 611 mengenai kuasa Pelindung untuk membuat perintah berkenaan dengan pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan oleh seseorang yang dikehendaki untuk diberitahukan kepada Pelindung di bawah seksyen 35 Akta 611 tetapi tiada pemberitahuan sedemikian telah dibuat dan kanak-kanak itu tidak dibawa pada masa dan di tempat yang dinyatakan oleh Pelindung. Dengan pindaan ini, Pelindung hendaklah, apabila membuat perintah, mengambil kira bahawa meletakkan seseorang kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya.

33. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 611 mengenai kriteria seseorang kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemeliharaan bertujuan untuk menyelaraskan tatacara berkenaan dengan kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan.

34. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 611 mengenai pemindahan seseorang kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan ke suatu tempat perlindungan. Pada masa ini, di bawah subseksyen 39(1) Akta 611, mana-mana Pelindung atau pegawai polis yang berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan pelindungan dan pemulihan boleh memerintahkan kanak-kanak itu dipindahkan ke suatu tempat selamat dan kanak-kanak itu hendaklah ditahan buat sementara di tempat perlindungan itu. Dengan pindaan ini, pemindahan kanak-kanak itu ke suatu tempat perlindungan hendaklah dibuat dengan serta-merta. Jika seseorang yang diarahkan oleh Pelindung atau pegawai polis untuk memindahkan kanak-kanak ke tempat perlindungan tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen itu dalam masa dua puluh empat jam dari tarikh perintah itu, Pelindung atau pegawai polis boleh memindahkan kanak-kanak itu dan meletakkan kanak-kanak itu buat sementara di suatu tempat perlindungan.

35. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 39A mengenai siasatan hal keadaan kes kanak-kanak itu oleh Pelindung jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak membuat suatu perintah bagi kanak-kanak untuk diletakkan di tempat perlindungan di bawah subseksyen 39(4) Akta 611. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa Pelindung hendaklah melengkapkan siasatan dan mengemukakan laporan siasatan itu kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh perintah itu dibuat di bawah subseksyen 39(4).

36. *Fasal 38* bertujuan untuk menggantikan seksyen 40 Akta 611 untuk meminda peruntukan yang berhubungan dengan kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan tatacara berhubung dengan seseorang kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan dan untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah, apabila membuat perintah itu, mengambil kira bahawa meletakkan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-sebaiknya.

37. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 41 Akta 611 untuk membenarkan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dengan segera untuk memohon kepada Pelindung bagi kanak-kanak itu diletakkan di suatu tempat perlindungan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memberi Pelindung kuasa untuk mengenakan apa-apa syarat atau memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya sesuai bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang diterima di tempat perlindungan atau dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 41 Akta 611.

38. *Fasal 40* bertujuan untuk memotong seksyen 42 Akta 611 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 35, 36* dan *37*.

39. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 611 untuk menjadikan perbuatan membawa masuk ke Malaysia, menerima atau menyorokkan kanak-kanak dengan mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kanak-kanak itu telah diperoleh bagi maksud lucah sebagai suatu kesalahan di bawah Akta 611.

40. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 45 Akta 611 untuk memberi mana-mana Mahkamah kuasa untuk meletakkan kanak-kanak yang mengenainya kesalahan terjadual telah dilakukan dan yang difikirkan oleh Mahkamah itu memerlukan pelindungan di suatu tempat perlindungan.

41. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 611 untuk membolehkan Pelindung memohon kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam hal kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau yang telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga tidak dapat ditemui, supaya kanak-kanak itu ditahan di suatu asrama akhlak atau pusat atas alasan bahawa kanak-kanak itu tidak berada di bawah pengawasan atau kawalan yang sepatutnya dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak atau mana-mana orang yang dilantik oleh Mahkamah sebagai tambahan kepada perintah yang dibuat di bawah perenggan 46(5) *(a), (b)* atau *(c)* Akta 611. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah, apabila membuat perintah di bawah seksyen 46 Akta 611, mengambil kira bahawa meletakkan seseorang kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya.

42. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 47 Akta 611 yang berhubungan dengan kuasa Mahkamah Pengawas untuk meminda perintah yang dibuat di bawah seksyen 46. Melalui pindaan ini, Mahkamah Pengawas boleh meminda perintah yang dibuat di bawah seksyen 46 oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak jika Mahkamah Pengawas berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan kanak-kanak itu untuk berbuat demikian dan apabila dibuktikan bahawa hal keadaan yang dalamnya perintah itu dibuat telah berubah selepas pembuatan perintah itu. Mahkamah Pengawas hendaklah memberikan suatu salinan perintah pindaan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang di dalamnya perintah itu dibuat di bawah seksyen 46.

43. *Fasal 45* dan *46* bertujuan untuk meminda seksyen 48 dan 49 Akta 611 masing-masing untuk menggantikan penalti sedia ada bagi kesalahan pemindahan milikan, jagaan atau kawalan kanak-kanak dengan menyalahi undang-undang dan pembawaan masuk kanak-kanak melalui dakwaan palsu dengan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

44. *Fasal 47* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru VIIIA ke dalam Akta 611 yang berhubungan dengan kuasa Menteri untuk meluluskan mana-mana pusat menjadi tempat bagi pemeliharaan, pelindungan dan pemulihan kanak-kanak. Di bawah *fasal* ini, Menteri boleh menyebabkan pusat itu diperiksa bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang diletakkan di pusat itu.

45. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 55A ke dalam Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi jagaan susul kanak-kanak yang dilepaskan dari suatu tempat perlindungan. Jika seseorang kanak-kanak dihantar ke suatu tempat perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang membuat perintah itu hendaklah, pada masa yang sama, membuat suatu perintah bahawa selepas

habis tempoh peletakannya dia hendaklah diletakkan di bawah pengawasan seorang Pelindung atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak selama tempoh satu tahun.

46. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda perenggan 59*(a)* untuk memberi pegawai akhlak dan bukannya Pelindung, kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana kanak-kanak yang lepas lari atau dipindahkan dari tempat tahanan tanpa kebenaran yang sah.

47. *Fasal 52* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 62A ke dalam Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi jagaan susul kanak-kanak yang dilepaskan dari suatu asrama akhlak. Jika seseorang kanak-kanak dihantar ke suatu asrama akhlak, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang membuat perintah itu hendaklah, pada masa yang sama, membuat suatu perintah bahawa selepas habis tempoh peletakannya dia hendaklah diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak selama tempoh satu tahun.

48. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda seksyen 63 Akta 611 untuk menjelaskan lagi kuasa Mahkamah Pengawas dalam mengendalikan kanak-kanak yang lepas lari atau dipindahkan tanpa kebenaran yang sah dari asrama akhlak.

49. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda seksyen 67 Akta 611 untuk mengecualikan seseorang kanak-kanak yang melakukan jenayah berat daripada dihantar ke suatu sekolah diluluskan. Pindaan ini perlu untuk memastikan pemulihan yang berkesan kanak-kanak yang diletakkan di sesuatu sekolah diluluskan.

50. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda seksyen 70 berbangkit daripada penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak.

51. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 71 untuk menjelaskan bahawa seseorang pegawai polis atau pegawai akhlak boleh menangkap tanpa waran seseorang kanak-kanak yang lepas lari dari sekolah diluluskan atau gagal untuk kembali ke sekolah diluluskan selepas tidak hadir di sekolah diluluskan kerana cuti sementara atau dengan kebenaran.

52. *Fasal 57* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73A untuk memperuntukkan bahawa Komisioner Jeneral Penjara boleh mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara berkenaan dengan Sekolah Henry Gurney yang hendaklah selaras dengan Akta 611 atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 611.

53. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda seksyen 75 Akta 611 berhubung dengan laporan akhlak yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebelum seseorang kanak-kanak itu dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Selain itu, *fasal* ini bertujuan untuk membuat pengubahsuaian kepada subseksyen 71(1) Akta 611 untuk memberi pegawai penjara kuasa untuk menangkap tanpa waran seseorang kanak-kanak yang lepas lari dari Sekolah Henry Gurney atau yang gagal untuk kembali ke Sekolah Henry Gurney selepas tidak hadir di Sekolah Henry Gurney kerana cuti sementara atau dengan kebenaran.

54. *Fasal 60* bertujuan untuk meminda seksyen 82 Akta 611 untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik Lembaga Pelawat bagi Sekolah Henry Gurney bagi maksud pengawasan yang berkesan kanak-kanak yang ditahan di Sekolah Henry Gurney.

55. *Fasal 61* bertujuan untuk meminda seksyen 83 berbangkit daripada pemansuhan hukuman sebatan di bawah Akta 611.

56. *Fasal 62* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 83A ke dalam Akta 611 yang berhubungan dengan hak seseorang kanak-kanak apabila ditangkap. Jika seseorang kanak-kanak ditangkap, dia tidak boleh digari melainkan jika kesalahan yang kerananya dia ditangkap itu ialah jenayah berat atau kanak-kanak itu menentang dengan kekerasan usaha untuk menangkapnya atau cuba untuk mengelakkan penangkapan itu. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa kanak-kanak itu hendaklah dimaklumkan mengenai alasan penangkapannya, dan bahawa pegawai polis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, sebelum memulakan apa-apa bentuk soal siasat atau perakaman kenyataan daripada kanak-kanak itu, menghubungi ibu atau bapa atau penjaga, atau saudara kanak-kanak dan pegawai akhlak untuk memaklumkan keberadaan kanak-kanak itu, alasan kanak-kanak itu ditangkap dan hak kanak-kanak itu untuk berunding dengan peguam pilihan kanak-kanak itu. Pegawai polis boleh membenarkan pegawai akhlak dan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak untuk hadir di tempat di mana kanak-kanak itu ditahan selepas ditangkap untuk memastikan kebajikan kanak-kanak itu.

57. *Fasal 63* bertujuan untuk meminda seksyen 85 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa seseorang kanak-kanak hendaklah dihalang daripada bergaul dengan seseorang dewasa semasa dibawa ke atau dari balai polis atau tempat tahanan dan semasa ditahan di balai polis atau tempat tahanan, dan untuk menghalang gambar kanak-kanak daripada dirakamkan dalam apa-apa cara semasa ditahan atau dibawa ke atau dari balai polis atau tempat tahanan.

58. *Fasal 64* bertujuan untuk meminda seksyen 87 Akta 611 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 62* yang berhubungan dengan kewajipan pegawai polis untuk memaklumkan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu dan pegawai akhlak mengenai tangkapan kanak-kanak itu.

59. *Fasal 65* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 89A ke dalam Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi hak kanak-kanak yang dipertuduh atas suatu kesalahan untuk memohon kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi perwakilan undang-undang jika dia tidak berupaya untuk melantik peguam untuk mewakilinya.

60. *Fasal 66* bertujuan untuk meminda seksyen 90 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah mengarahkan seorang pegawai akhlak untuk menyediakan dan mengemukakan laporan akhlak dalam masa tiga puluh hari dari tarikh arahan sedemikian diberikan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

61. *Fasal 67* bertujuan untuk meminda seksyen 91 Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi pemansuhan hukuman sebatan yang dikenakan ke atas kanak-kanak yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan dan untuk memperkenalkan perintah khidmat masyarakat untuk dilaksanakan oleh kanak-kanak itu.

62. *Fasal 68* dan 69 bertujuan untuk meminda seksyen 92 dan 95 masing-masing berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 67* yang berhubungan dengan pemansuhan hukuman sebatan.

63. *Fasal 70* bertujuan untuk memasukkan Bab baru 3A yang terdiri daripada seksyen 97A hingga 97F ke dalam Bahagian X Akta 611 mengenai perintah khidmat masyarakat. Di bawah Bab ini, jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang olehnya atau di hadapannya seseorang kanak-kanak didapati bersalah atas sesuatu kesalahan, berpendapat bahawa adalah patut Mahkamah itu berbuat demikian, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh membuat suatu perintah yang menghendaki kanak-kanak itu untuk melaksanakan khidmat masyarakat tidak melebihi 120 jam secara agregat dalam tempoh yang tidak melebihi enam bulan, pada bila-bila masa dan tempat sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Semasa tempoh perintah khidmat masyarakat, kanak-kanak itu hendaklah berada di bawah pengawasan Pegawai Kebajikan Masyarakat dan hendaklah melaksanakan khidmat masyarakat bagi bilangan jam secara agregat yang dikenakan ke atasnya oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam tempoh tidak melebihi enam bulan. Kanak-kanak itu juga hendaklah mematuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Di bawah *fasal* ini, kegagalan untuk mematuhi apa-apa kehendak perintah khidmat masyarakat merupakan suatu kesalahan. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa dapatan bersalah bagi suatu kesalahan yang baginya suatu perintah dibuat di bawah Bab ini yang menghendaki kanak-kanak itu melaksanakan khidmat masyarakat hendaklah disifatkan sebagai bukan suatu sabitan bagi apa-apa maksud selain bagi maksud prosiding yang baginya perintah itu dibuat dan apa-apa prosiding seterusnya yang boleh diambil terhadap seseorang kanak-kanak di bawah Bab ini. Selain itu, *fasal* ini juga memperuntukkan bahawa Mahkamah Pengawas boleh meminda perintah khidmat masyarakat.

64. *Fasal 71* bertujuan untuk meminda subseksyen 106(1) Akta 611 untuk memberi Pelindung, pegawai akhlak atau pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran seseorang kanak-kanak yang lepas lari atau dipindahkan daripada pemeliharaan orang yang layak dan sesuai tanpa kebenaran yang sah.

65. *Fasal 72* bertujuan untuk meminda seksyen 115 Akta 611 untuk memperuntukkan bahawa kesalahan menghalang hendaklah juga terpakai berhubung dengan Pembantu Pelindung yang menjalankan kewajipannya di bawah Akta 611. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 115 Akta 611 daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

66. *Fasal 74* bertujuan untuk meminda seksyen 118 Akta 611 berikutan perubahan nama Daftar Kanak-Kanak Yang Memerlukan Pelindungan.

67. *Fasal 75* bertujuan untuk meminda seksyen 119 Akta 611 untuk membenarkan butir-butir orang yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan yang kanak-kanak ialah mangsa disimpan dalam Daftar Kanak-Kanak.

68. *Fasal 76* bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 611 berbangkit daripada penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak.

69. *Fasal 77* bertujuan untuk meminda seksyen 123 Akta 611 untuk meluaskan pemakaian seksyen 123 berhubung dengan pelindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang bagi seseorang Pembantu Pelindung dan pegawai penjara.

70. *Fasal 78* bertujuan untuk meminda seksyen 125 Akta 611 untuk meningkatkan penalti am di bawah Akta 611 daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

71. *Fasal 79* bertujuan untuk meminda seksyen 128 Akta 611 yang berhubungan dengan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 611.

72. *Fasal 80* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 611 berbangkit daripada pindaan yang dibuat di bawah *fasal 17*.

73. *Fasal 81* mengandungi peruntukan kecualian.

74. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang bersifat kecil atau berbangkit.

## *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3012]